

22/05/1999

## Pesara bantah cadangan Cuepacs

KOTA BHARU, Jumaat - Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM) membantah cadangan Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yang meminta kerajaan menaikkan pencen minimum kepada kira-kira 10,000 pesara kerajaan peringkat rendah di seluruh negara.

Ahli Majlis Kebangsaan PKPM, Abdul Ghani Mahmud berkata, kenyataan itu bercanggah dengan apa yang diperjuangkan PPKM sebelum ini dalam usaha membela nasib pesara.

Menurutnya, dalam mesyuarat bersama antara PPKM dengan Cuepacs pada Julai 1997 lalu, kedua-dua pihak bersetuju supaya Cuepacs tidak menyentuh apa jua perkara mengenai warga pesara, kecuali ia dibincangkan terlebih dahulu dengan PPKM.

"Kita (PPKM) membantah keras kenyataan Presiden Cuepacs mengenai isu itu," katanya dalam satu kenyataan yang dihantar melalui faks ke pejabat Berita Harian, di sini, hari ini.

Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam dalam kenyataan akhbar 2 Mei lalu dipetik sebagai berkata, kesatuan mencadangkan supaya pencen minimum itu dinaikkan daripada RM180 kepada RM250 untuk pesara terbabit.

Abdul Ghani yang juga Setiausaha PPKM Cawangan Kelantan berkata, kenyataan itu amat berbeza dengan apa yang diperjuangkan PPKM selama ini.

Beliau mendakwa, Cuepacs pernah mengecewakan seluruh pesara kerajaan apabila memberi persetujuan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menggugurkan formula baru pencen serta mengagihkan peruntukkan penyelarasan pencen bagi 1995 dan 1996 yang berjumlah RM953 juta kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat.

Menurutnya, pada 24 April 1996, PPKM menghantar memorandum kepada kerajaan memohon melaksanakan formula baru pencen tanpa had tempoh perkhidmatan itu.

"Kesatuan menerusi hasil mesyuarat agung tahunannya baru-baru ini sudah membuat keputusan untuk menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyelesaikan masalah berkenaan.

"Masalah ini perlu diselesaikan segera, kerana formula baru pencen ini sudah diluluskan JPA, tetapi malang selepas dua bulan diluluskan ia ditarik balik tanpa sebab munasabah," katanya.

Beliau berkata, Cuepacs tidak sewajarnya menjuarai perkara yang ada hubung kait dengan warga pesara kerana kesatuan itu mempunyai sikap dan pandangan yang jauh berbeza dengan yang diperjuangkan PPKM.

Katanya, perjuangan Cuepacs sekarang yang menaikkan umur bersara wajib dari 55 kepada 58 tahun adalah lebih memperjuangkan untuk kepentingan individu tertentu.

Abdul Ghani berkata, Cuepacs menaikkan pencen minimum daripada RM180 kepada RM250 sebulan adalah perkiraan yang tidak munasabah, kerana kerajaan sendiri mengiktiraf paras kemiskinan di negara ini adalah RM500 sebulan.

(END)